

TINJAUAN AWAL LIABILITI PEMBEKAM SEMASA PROSES RAWATAN BEKAM DARI PERSPEKTIF SYARIAH

Nurul Izzah Syafiqah Osman ⁱ, Abd Hamid Abd Murad ⁱⁱ, Ahmad Syukran Baharuddin ^{iii*}, Arif Fahmi Md Yusof ^{iv}, Wan Abdul Fattah Wan Ismail ^v, Lukman Abdul Mutalib^{vi}, Mohd Dzulkhairi Mohd Rani^{vii}, Muhammad Tauffik Mohd Noor^{viii}

ⁱ Pembantu Penyelidik, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, n.izzahsyafiqah09@gmail.com

ⁱⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, hamid@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, ahmadsyukran@usim.edu.my

^{iv} Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, fahmi@usim.edu.my

^v Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, wanfattah@usim.edu.my

^{vi} Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, lukman@usim.edu.my

^{vii} Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, drdzulkhairi@usim.edu.my

^{viii} Profesor, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, mtauffik@usim.edu.my

Abstrak

Terapi bekam merupakan salah satu bentuk perubatan alternatif kuno yang masih mendapat permintaan yang tinggi. Tujuan pesakit menjalani rawatan bekam adalah bertujuan untuk mengurangkan kesakitan, bersantai, membantu pengaliran darah, dan urutan tisu dalaman. Persoalan yang timbul sekiranya, jika berlaku kecuaiian ketika pesakit sedang menjalani rawatan bekam, adakah liabiliti itu akan dikenakan keatas pembekam atau sebaliknya? Jika dikenakan tindakan ke atas pembekam itu apakah prosedur yang akan dilaksanakan. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti liabiliti ke atas pembekam semasa rawatan bekam dijalankan ke atas pesakit dan prosedur yang akan dilaksanakan. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap sumber-sumber perundangan Syariah yang muktamad dan literatur kontemporari yang direkodkan dalam jurnal-jurnal yang terindeks. Hasil kajian mendapati kecuaiian ini boleh diklasifikasikan kepada kecuaiian sengaja, tidak sengaja dan menyerupai sengaja. Liabiliti tersebut diambil kira mengikut kepada jenis kecuaiian dan pampasan sewajarnya perlu diberikan mengikut kepada bahagian yang terkesan. Maka, ,lihat dari hasilan ini, prosedur perlu ditentukan bagi mengelakkan kecuaiian dan kebertanggungjawaban (dhaman) terhadap liabiliti tersebut. Kajian ini mengusulkan supaya kajian lanjut dilakukan bagi melihat kesesuaian aplikasi konsep liabiliti pembekam ini relevan dengan perundangan tort masa kini. Diharapkan kajian ini akan memberi manfaat bagi amalan bekam yang lebih baik di masa hadapan.

Kata kunci: *Bekam, Liabiliti, Pembekam, Kecuaiian, Syariah.*

PENDAHULUAN

Amalan berbekam dipercayai telah wujud sejak dari zaman kuno iaitu dianggarkan pada tahun 3300 sebelum masihi ataupun lebih 5000 tahun dahulu di Macedonia (Noor, 2016). Namun terdapat penemuan rekod terawal mengenai bekam yang dikatakan ianya telah pun wujud pada awal sebelum 3000 masihi. Terdapat penemuan rekod yang terawal di dalam buku teks perubatan yang dikenali sebagai Ebers Papyrus pada tahun 1500 sebelum masihi.

Menurut kajian Ismail (2011) ada menyatakan bahawa kecuaiian (negligence) dan juga liabiliti dianggap perkara yang amat serius kerana telah banyak tindakan litigasi di mahkamah yang membabitkan golongan-golongan yang berada di dalam profesyen ini dalam melakukan kecuaiian ketika memberi rawatan. Contohnya, kecuaiian membabitkan golongan profesional seperti Doktor, Pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari, Peguam, Jururawat serta Pegawai-Pegawai Perubatan Kerajaan yang lain. Merujuk kepada statistik Medical Practice Division (2011), kecuaiian yang berlaku di kalangan golongan-golongan di dalam profesyen di atas semakin meningkat dari tahun ke tahun. Artikel ini akan mengupas jika berlaku kecuaiian ketika pesakit sedang menjalani rawatan bekam, adakah liabiliti itu akan dikenakan ke atas pembekam atau sebaliknya? Jika dikenakan tindakan ke atas pembekam itu apakah prosedur yang akan dilaksanakan.

Kaedah kajian ini adalah untuk membantu pengkaji bagi mendapatkan dan mengumpulkan data terhadap sesuatu kajian yang dijalankan. Disamping penyelidikan dapat menjalankan kajian dengan rapi dan tersusun supaya kajian tersebut boleh dipercayai dan dapat dibuktikan dengan jelas. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dimana pengkaji membuat penelitian menggunakan kaedah dokumentasi dan pemerhatian bagi mendapatkan data primer dan sekunder berkaitan objektif kajian. Terdapat beberapa kaedah pengumpulan data yang dijalankan oleh pengkaji bagi melengkapkan kajian ini. Antaranya ialah kaedah kepustakaan dan analisis data. Kesemua kaedah ini dilakukan agar seiring dengan objektif kajian pengkaji.

Selain itu, pengkaji juga menggunakan kaedah dokumentasi yang melibatkan kajian analisis kandungan terhadap sumber-sumber perundangan Syariah yang muktamad dan literatur kontemporari yang direkodkan dalam jurnal-jurnal yang terindeks. Selain itu, bahan-bahan bercetak seperti buku, artikel, dan akhbar juga digunakan. Seterusnya, kaedah kepustakaan merupakan kaedah yang berkaitan dengan carian maklumat-maklumat umum dengan kata kunci bagi sesuatu kajian. Berdasarkan kajian ini kata kunci yang digunakan antaranya ialah "bekam", "Cupping", serta

"*hijamah*". Bagi mendapatkan sebanyak mungkin maklumat-maklumat yang berkaitan kajian ini, pengkaji telah pergi ke perpustakaan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Selain itu, disebabkan wabak Covid-19 masih lagi berleluasa, pengkaji juga menjalankan kaedah kepustakaan ini dengan membuat pencarian di Internet. Antara bahan yang diperolehi melalui pencarian Internet ialah jurnal-jurnal antarabangsa di samping jurnal-jurnal di dalam negara. Kaedah ini dilakukan bagi menambahkan pengetahuan pengkaji berkaitan tajuk kajian dengan lebih mendalam.

KONSEP LIABILITI DALAM PROSEDUR BEKAM

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, membekam merupakan perbuatan mengeluarkan darah kotor daripada badan seseorang dengan cara membedah sedikit pada bahagian kepala atau belakang badan dan menyedut darah kotor dengan tanduk atau cawan panas yang ditelangkupkan pada tempat yang telah dibedah atau dihiris itu. Manakala, pembekam juga dipanggil sebagai tukang bekam atau *hajim*. Disamping itu, istilah pembekam adalah homonim yang membawa maksud; orang yang melakukan kerja membekam, atau alat untuk membekam.

Namun, dari segi istilah dalam bahasa Inggeris yang sinonim dengan bekam ialah *cupping*. Bekam umumnya membawa maksud mengeluarkan sesuatu dari badan dengan menggunakan peralatan tertentu untuk proses sedutan itu berlaku. Oleh itu, proses sedutan itu berlaku dengan menggunakan tanduk (mengikut amalan kuno) serta menggunakan cawan bekam mengikut kaedah tertentu. Kaedah tertentu yang dimaksudkan ialah antara yang memberi perbezaan yang ketara antara derma darah dan bekam itu sendiri iaitu melalui hasil dapatan di akhir proses. Berbekam tanpa melalui proses ini diibaratkan seperti pengeluaran darah sahaja.

Manakala, berbekam ini adalah proses di mana pembiaran yang akan mewujudkan tekanan negatif yang berlaku pada bahagian yang hendak di bekam di samping pada proses inilah pengumpulan *Causative Pathological Substances* (CPS) atau bahasa mudahnya bahan penyebab penyakit akan dikumpulkan pada kawasan yang bertekanan. CPS ini terdiri daripada toksid, sel darah mati, sel darah rosak, radikal bebas, dan seumpamanya. Bahan ini jugalah yang mahu dikeluarkan sewaktu sesi menjalankan proses bekam, dan bukannya darah yang banyak memenuhi cawan bekam itu sendiri.

Hal ini adalah kerana, kluatir yang dikeluarkan itu adalah merupakan sel darah yang sihat dan walafiat yang sedang mengangkut nutrisi dan zat untuk dibekalkan keseluruh badan. Justeru itu, perkara yang terpenting semasa melakukan rawatan bekam ini adalah menggunakan kaedah yang tepat untuk memastikan darah yang keluar semasa bekam juga tepat.

Konsep liabiliti terhadap pembekam boleh diklasifikasikan kepada beberapa bahagian iaitu kecuiaan sengaja, tidak sengaja dan menyerupai sengaja. Liabiliti tersebut diambil kira mengikut kepada jenis kecuiaan yang dilakukan oleh pembekam itu sendiri sama ada sebelum, semasa, dan selepas menjalankan sesuatu rawatan bekam. Secara terperinci, terdapat kurangnya kajian yang mendalam berkaitan liabiliti yang boleh dikenakan terhadap pembekam dalam kecuiaan semasa menjalankan sesuatu rawatan. Hal ini adalah kerana literatur-literatur kontemporari hanya lebih menekankan kepada manfaat amalan bekam yang telah diamalkan sejak zaman-berzaman. Selain itu, kajian lampau juga banyak menekankan kepada hadis-hadis berkaitan bekam serta bekam juga dijadikan sebagai perubatan alternatif untuk mengurangkan penyakit-penyakit tertentu.

Berdasarkan kajian Mohamad & Ismail (2018) ada menyatakan bahawa terdapat pandangan para fuqaha Islam yang mana cenderung mengatakan bahawa pembentukan hubungan antara doktor dan pesakit adalah berasaskan kontrak. Hal ini juga termasuklah sesiapa sahaja yang bertugas dalam memberi rawatan kepada pihak tertentu seperti pengamal bekam, juru khatan, dan juga doktor haiwan. Hal ini bersesuaian dengan kenyataan (al-Din, 1986) merupakan seorang fuqaha mazhab Hanafi yang mengatakan bahawa “ Dan adapun tindakan yang dilakukan oleh flebotomis (*phlebotomist/fasad*) dan doktor haiwan (*bazzagh*), mereka dibebankan dengan tanggungan kontrak (*daman 'aqd*). Merujuk kitab yang bertajuk “*Tabyin al-Haqa'iq Sharh Kanz al-Daqa'iq*” (al-Zayla'i, 1987) ada menyatakan bahawa sekiranya juru bekam (*hujjam*) dan mana-mana pihak yang bertugas dalam bidang yang seakan-akan sama dengannya telah menjalankan tanggungjawab dengan baik dan tidak melanggar mana-mana garis panduan, arahan amalan dan etika yang telah ditetapkan dalam sesuatu bidang rawatan yang diceburi maka dia tidak lagi dibebankan dengan sesuatu tanggungan. Walaupun pada dasarnya kewajipan liabiliti itu berada dalam tanggungjawabnya oleh kerana wujudnya tanggungjawab yang telah termeterai antara doktor dan pesakit melalui kontrak tersebut .

PENGECUALIAN LIABILITI TERHADAP PEMBEKAM

Terdapat beberapa keadaan di mana pengamal-pengamal bekam ini boleh mendapat pengecualian dalam apa-apa tindakan liabiliti ke atasnya. Hal ini adalah kerana sebelum rawatan bekam dilakukan pembekam perlulah memastikan telah mendapat keizinan daripada pesakit terlebih dahulu. Sebelum itu, pembekam perlu menjalankan suatu diagnosis ke atas pesakit sebelum rawatan dijalankan. Salah satunya ialah semasa diagnosis tersebut pembekam hendaklah memastikan tahap tekanan darah pesakit

adalah dalam keadaan stabil dan beberapa perkara lain yang difikirkan penting diperiksa sebelum rawatan dimulakan.

Kajian Ismail (2011) menyatakan bahawa mendapat keizinan pesakit sebelum melaksanakan sesuatu rawatan merupakan salah satu langkah yang wajib dilakukan oleh semua pengamal perubatan. Ianya juga boleh dikatakan sebagai salah satu amalan universal dalam bidang perubatan. Rujuknya juga, jumur fuqaha telah bersepakat mengatakan bahawa asas utama yang mengecualikan doktor daripada sebarang liabiliti apabila berhadapan dengan dakwaan kecuai perubatan ialah keizinan pesakit itu sendiri. Selain itu, contohnya pesakit kanak-kanak yang ingin melakukan rawatan bekam amatlah penting untuk mendapatkan keizinan daripada penjaganya terutama kedua ibu-bapanya. Hal ini adalah kerana tidak semua peringkat umur dibenarkan untuk menjalani rawatan bekam. Merujuk pada Garis Panduan Amalan Perubatan Tradisional & Komplementari, sudah termaktub berkaitan peringkat umur yang dibenarkan untuk berbekam, iaitu mestilah berumur antara 10 hingga 65 tahun. Namun, bagi pelanggan yang berumur lebih daripada 65 tahun, boleh melakukan rawatan bekam sekiranya mempunyai tahap kesihatan yang baik. Disini jelas menunjukkan bahawa sudah terdapat garis panduan lengkap yang telah diperuntukkan bagi pengamal bekam untuk mematuhiya bagi menjamin keselamatan pesakit.

Menurut hukum syara', akad yang terjadi antara orang yang merawat sama ada doktor atau pengamal perubatan dengan pesakit adalah berlandaskan kepada prinsip keredhaan dan kerelaan. Allah SWT berfirman:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ ۖ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ ۚ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴾

“Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu, dan janganlah kamu berbunuh-bunuhan sesama sendiri. Sesungguhnya Allah sentiasa Mengasihani kamu”. (Al-Quran. Surah Al-Nisa', 4:29)

Ayat di atas menunjukkan bahawa, wujudnya akad apabila pihak-pihak bersetuju dalam melaksanakan suatu kewajipan dalam sesuatu urusan muamalah contohnya seperti menjalankan rawatan perubatan. Tambahan pula, akad tersebut perlu adanya elemen merelakan dan meredhai daripada pihak-pihak supaya tidak timbul unsur paksaan atau tipu helah. Allah berfirman:

﴿ يَا قَوْمِ أَوْفُوا الْمِكْيَالَ وَالْمِيزَانَ بِالْقِسْطِ ۗ وَلَا تَبْخَسُوا النَّاسَ أَشْيَاءَهُمْ وَلَا تَعْتُوا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ ﴾

“Dan wahai kaumku! Sempurnakanlah sukatan dan timbangan dengan adil dan janganlah kamu kurangkan manusia akan benda-benda yang menjadi haknya, dan janganlah kamu merebakkan bencana kerosakan di muka bumi”. (Al-Quran. Surah Hud, 11: 85)

Merujuk kepada kitab fiqh yang berjudul *“Tabsirah al-Hukkam fi Usul al-’Aqdiyyah wa Manahij al-Ahkam; al-Hattab, Mawahib al-Jalil li Syarh Mukhtasar Khalil”* ada menyatakan bahawa menurut mazhab Maliki, keperluan mendapat keizinan daripada seseorang termasuklah hamba sebelum melakukan sebarang rawatan mahupun pembedahan. Namun, jika keizinan diperolehi daripada hamba secara terus tanpa melalui tuannya, maka keizinan itu terbatal dan tidak dianggap sah. Begitu juga di dalam kes di mana melibatkan kanak-kanak yang ingin melakukan rawatan bekam perlulah mendapat keizinan daripada penjaga iaitu kedua ibu-bapanya sebelum menjalani apa-apa rawatan .

Merujuk kepada suatu kaedah fiqhiyyah *al-rida bi al-shay’ rida bima yatawallad minh* yang membawa maksud rela dengan sesuatu bererti rela akan apa sahaja yang terjadi hasil daripada sesuatu (Hatta et al., 2016). Ertinya, apabila berlaku sesuatu kejadian yang tidak diinginkan dan membawa risiko yang tinggi setelah semua kepakaran doktor telah digunakan dalam melaksanakan rawatan. Oleh itu, di dalam situasi ini para doktor mahupun juru bekam (*hujjam*) tidak lagi boleh dipersalahkan ke atasnya.

Menurut hukum syara^o, akad juga perlu dilaksanakan dalam bentuk bertulis. Sebagai contoh, sebelum menjalani apa-apa rawatan bekam, juru bekam (*hujjam*) perlu memastikan terlebih dahulu pesakit datang menerima rawatan dalam keadaan rela dan bukan paksaan. Keharusan perlu adanya akad secara bertulis ini adalah bagi kebaikan kedua-dua pihak untuk mengetahui secara terperinci hak dan kewajipan serta mengetahui apa sahaja rawatan yang dilaksanakan mahupun tidak dilaksanakan. Selain itu, cara ini juga dapat menghindari kedua pihak dalam berlaku sesuatu kekhilafan, berprasangka buruk, menimbulkan kecurigaan serta apa-apa pertikaian yang mungkin wujud kemudian hari. Allah S.W.T berfirman:

﴿ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا تَدَايَيْتُمْ بِدَيْنٍ إِلَىٰ أَجَلٍ مُّسَمًّى فَاكْتُبُوهُ ۚ وَلْيَكْتُب بَيْنَكُمْ كَاتِبٌ بِالْعَدْلِ ۚ وَلَا يَأْب كَاتِبٌ أَنْ يَكْتُبَ كَمَا عَلَّمَهُ اللَّهُ ۚ فَلْيَكْتُبْ وَلْيُمْلِلِ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ وَلْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ وَلَا يَبْخَسْ مِنْهُ شَيْئًا ۚ فَإِنْ كَانَ الَّذِي عَلَيْهِ الْحَقُّ سَفِيهًا أَوْ ضَعِيفًا أَوْ لَا يَسْتَطِيعُ أَنْ يُمِلَّ هُوَ فَلْيُمْلِلْ وَلِيُّهُ بِالْعَدْلِ ۚ وَاسْتَشْهِدُوا شَهِيدَيْنِ مِنْ رِجَالِكُمْ ۚ فَإِنْ لَمْ يَكُنَا رَجُلَيْنِ فَرَجُلٌ وَامْرَأَتَانِ مِمَّنْ تَرْضَوْنَ مِنَ الشُّهَدَاءِ أَنْ تَضِلَّ إِحْدَاهُمَا فَتُذَكِّرَ إِحْدَاهُمَا الْأُخْرَىٰ ۚ وَلَا يَأْب الشُّهَدَاءُ إِذَا مَا دُعُوا ۚ وَلَا تَسْأَمُوا أَنْ تَكْتُبُوهُ صَغِيرًا أَوْ كَبِيرًا إِلَىٰ أَجَلِهِ ۚ ذَلِكُمْ أَقْسَطُ عِنْدَ اللَّهِ وَأَقْوَمُ لِلشَّهَادَةِ وَأَدْنَىٰ أَلَّا تَرْتَابُوا ۚ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً حَاصِرَةٌ تُدِيرُونَهَا بَيْنَكُمْ فَلَيْسَ عَلَيْكُمْ جُنَاحٌ أَلَّا تَكْتُبُوهَا ۚ وَأَشْهِدُوا إِذَا تَبَايَعْتُمْ ۚ وَلَا يُضَارَّ كَاتِبٌ وَلَا شَهِيدٌ ۚ وَإِنْ تَفَعَّلُوا فَإِنَّهُ فَسُوقٌ بِكُمْ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ وَيُعَلِّمُكُمُ اللَّهُ ۚ وَاللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Apabila kamu menjalankan sesuatu urusan dengan hutang piutang yang diberi tempoh hingga ke suatu masa yang tertentu maka hendaklah kamu menulis (hutang dan masa bayarannya) itu dan hendaklah seorang penulis di antara kamu menulisnya dengan adil (benar) dan janganlah seseorang penulis enggan menulis sebagaimana Allah telah mengajarkannya. Oleh itu, hendaklah ia menulis dan hendaklah orang yang berhutang itu merencanakan (isi surat hutang itu dengan jelas)”. (Al-Quran. Surah Al-Baqarah, 2: 282)

UNSUR-UNSUR TINDAKAN LIABILITI DIKENAKAN TERHADAP PEMBEKAM

Umum mengetahui, bahawa jika bekam ini diperkatakan kurang sekali ditekankan berkaitan keburukan bekam itu sendiri atau apa-apa kes kecuaiian yang berlaku ketika sesi rawatan bekam ini dijalankan. Berkemungkinan kes kecuaiian ketika rawatan bekam dijalankan ini ada berlaku tetapi tidak dihebohkan atau mungkin pesakit itu sendiri tidak mengetahui hak mereka sebagai pesakit. Bahkan pula, banyak faktor penghalang sehingga kes kecuaiian yang berlaku ini sukar dikendalikan. Hal ini demikian kerana salah satu faktor “nama baik” (Hatta, 2008). Pihak pengamal perubatan akan berusaha agar kes kecuaiian yang berlaku ini tidak mendapat liputan meluas dan sangat kurang kes kecuaiian yang berlaku ini dibicarakan di Mahkamah. Hal ini akan mengakibatkan Pusat Rawatan Bekam tersebut tidak lagi mendapat kepercayaan pelanggan dan juga masyarakat untuk datang mendapatkan rawatan. Lebih-lebih lagi, masyarakat yang rata-rata masih tidak mengetahui hak mereka sendiri sebagai pesakit sekaligus menyukarkan golongan ini untuk mengambil tindakan perundangan yang sedia diperuntukkan. Justeru itu, kurangnya kes liabiliti di ambil ke atas pengamal bekam berkemungkinan besar

mungkin kes ini hanya berlaku setakat di peringkat sesebuah Pusat Rawatan itu sahaja dan tidak dibawa ke peringkat yang lebih tinggi. Malangnya, hal ini juga merupakan penyebab kepada sukarnya kes kecuiaan ini diselesaikan dan juga membawa kesukaran dalam melindungi hak-hak pesakit. Antara faktor yang boleh dijadikan asbab tindakan liabiliti ini dapat dikenakan ke atas pembekam antaranya adalah seperti berikut;

1. **Melanggar Garis Panduan Amalan Perubatan Tradisional dan Komplementari (Bekam)**

Pelanggaran yang dimaksudkan adalah apabila pengamal bekam itu sendiri tidak mematuhi garis panduan amalan perubatan tradisional & komplementari (bekam) yang telah ditetapkan. Hal ini amat serius kerana di dalam amalan garis panduan tersebut dengan jelasnya telah menerangkan dan menunjukkan langkah-langkah yang selamat sebelum mahupun selepas rawatan itu dijalankan. Merujuk kepada garis panduan tersebut telah dinyatakan dengan jelas berkaitan kriteria rawatan, prosedur rawatan, dokumentasi, fasiliti amalan, kaedah pensterilan dan disinfeksi, pengendalian sisa klinik sejurus selesai rawatan dan sebagainya. Justeru itu, jika pengamal-pengamal perubatan ini tidak mengikut prosedur yang telah ditetapkan amatlah relevan untuk dikenakan tindakan liabiliti ke atasnya jika berlakunya kes kecuiaan ketika sedang menjalankan rawatan. Contohnya, terdapat kes yang tidak dilaporkan di mana di dalam kes ini pesakit telah dijangkiti *Hepatitis C* disebabkan kecuiaan pengamal bekam yang tidak mengamalkan konsep kebersihan yang telah digariskan dalam garis panduan yang telah dijelaskan sebelum ini. Merujuk kepada keratan Akhbar Harakah Daily pada 6 Oktober 2017, di mana pembekam itu hanya membersihkan cawan bekam dengan sambil lewa sahaja . Dilaporkan pembekam membasuh menggunakan sabun dan air namun masih terdapat sisa darah pesakit yang melekat di dinding cawan tersebut kemudian dilapkan sahaja menggunakan tisu tandas darah yang masih berbaki. Kemudian, cawan tersebut dikitar semula dengan menggunakan kembali untuk merawat pesakit yang seterusnya. Hal ini amatlah serius dan sangat tidak patut bagi pusat bekam tersebut hanya demi ingin menjimatkan kos penggunaan cawan tersebut sedangkan kini sudah ada cawan bekam jenis pakai buang. Jika dilihat menerusi kes ini, amatlah tidak patut dan wajar pembekam tersebut dikenakan tindakan liabiliti ke atasnya (Mohamad & Ismail, 2017).

2. Kurang Ilmu Pengetahuan Serta Autoriti Dan Kepakaran

Isunya di sini apabila pengamal bekam itu sendiri kurangnya ilmu pengetahuan yang mendalam terhadap rawatan yang dikendalikan. Ini juga boleh dijadikan sebagai salah satu faktor berlakunya kecuaiian dalam menjalankan rawatan. Oleh itu, pembekam ini harus dikenakan tindakan liabiliti yang sesuai ke atasnya. Allah berfirman:

﴿ وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ ۚ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَٰئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا ﴾

“Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya”. (Al-Quran. Surah Al-Isra’, 17: 36)

Nabi Muhammad SAW bersabda:

“Abdullah bin Ummar r.a. mengabarkan bahawa Rasulullah SAW bersabda: Setiap kamu adalah pemimpin dan pemimpin bertanggungjawab atas kepemimpinannya. Laki-laki itu pemimpin, bertanggungjawab atas kepemimpinannya. Wanita itu pemimpin dalam rumah tangga dan bertanggungjawab tentang kepemimpinannya. Khadam (pembantu) itu pemimpin bagi harta majikannya, bertanggungjawab atas kepemimpinannya. Kata Abdullah, agaknya Nabi SAW juga bersabda: “Laki-laki itu pemimpin bagi harta-harta ayahnya dan bertanggungjawab terhadap kepemimpinannya. Kamu semua adalah pemimpin bertanggungjawab atau kepemimpinannya”.

(H.R. Bukhari)

Justeru itu, menurut hukum syara^e, seseorang yang tidak mempunyai kepakaran dalam suatu urusan adalah dilarang dalam menjalankan amalan perubatan atau amalan lainnya sehingga membawa kesan yang buruk kepada pesakit. Jika perkara sebegini terjadi, maka boleh dikenakan liabiliti ke atas si pelaku. Rasulullah ﷺ bersabda:

“dari ‘Amr bin Syuaib dari bapaknya dari kakeknya ia berkata, Rasulullah s.a.w bersabda; barangsiapa yang memberi rawatan perubatan dengan tidak berlandaskan ilmunya maka ia harus bertanggungjawab”.

(H.R. Ibn Majjah)

Akan tetapi, terdapat perbezaan pandangan dari sudut pandangan Imam Syafi’i, bagi seorang juru bekam (*hujjam*), mengkhitan anak, dan mengubati haiwan peliharaan. Jika mereka menjalankan rawatan kemudiannya berlaku kecederaan (mati) sedangkan mereka sudah melakukan apa yang perlu dilakukan dan cara rawatan tersebut sudah biasa dilakukan oleh pakar yang lainnya, maka tidak boleh dikenakan tindakan liabiliti ke atasnya. Sebaliknya, bagi para doktor perubatan yang mengetahui standard kaedah rawatan perubatan namun tidak menjalankannya dengan betul atau tidak sempurna, maka tindakan liabiliti boleh diambil ke atasnya.

3. Tidak Mendapat Keizinan Pesakit

Kebiasaannya, setiap pusat rawatan bekam ini akan memberikan satu borang di mana borang tersebut perlu dilengkapi oleh pesakit berkaitan maklumat dirinya dan dalam keadaan rela mendapatkan rawatan serta bukanlah dalam keadaan dimana dia di paksa melakukannya. Borang tersebut juga boleh diertikan sebagai borang izin bermaklumat (*informed consent*). Borang ini amatlah penting bagi kemaslahatan kedua-dua pihak di antara pengamal bekam itu sendiri dan pesakit. Izin bermaklumat ini merupakan kedudukan yang sangat penting dan boleh dijadikan sebagai satu perjanjian yang tertumpu pada dua jenis hak asasi manusia, iaitu hak untuk menentukan nasib sendiri dan hak untuk mendapatkan maklumat.

Menurut kajian Hatta (2008), hak untuk menentukan nasib sendiri mempunyai hubungan dengan hak untuk mendapatkan maklumat yang menjadi dasar wujudnya *informed consent*. Berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pengamal bekam, maka pesakit yang menerima rawatan dapat mengetahui apa rawatan atau langkah demi langkah yang akan dilakukan sepanjang rawatan dijalankan. Oleh itu, jika terdapat apa-apa langkah di mana tidak mendapat persetujuan di antara kedua belah pihak maka rawatan tersebut haruslah tidak diteruskan. Pengamal bekam juga perlu memberitahu pesakit maklumat yang cukup tentang rawatan yang dijalankan sebelum pesakit membuat keputusan setuju untuk meneruskan rawatan. Isunya timbul di mana jika pengamal bekam di sesuatu pusat rawatan tidak menyediakan borang *informed consent* tersebut. Apabila terjadinya sesuatu kes kecuaiian yang dilakukan oleh pihak pengamal bekam itu sendiri, pesakit mempunyai hak untuk mengambil tindakan ke atasya. Hal ini terjadi akibat tiada hitam putih antara kedua belah pihak. Justeru itu, amatlah penting surat *informed consent* ini bagi kemaslahatan kedua-dua belah pihak. Kesimpulannya, kecuaiian berlaku apabila pihak juru bekam tidak memenuhi dan mematuhi elemen-elemen penting ini iaitu tidak wujud langkah berjaga-jaga, berlaku pelanggaran standart operasi yang telah diselaraskan.

KESIMPULAN

Perbincangan di atas menunjukkan bahawa kurangnya kajian yang dibuat ke atas liabiliti juru bekam (*hujjam*) jika berlakunya kecuaiian semasa menjalankan rawatan. Bagi pengamal undang-undang yang mencari jawapan seperti yang dipersoalkan di awal artikel ini, kupasan di atas serba sedikit mampu memberikan inspirasi bahawa terdapat unsur-unsur yang boleh kita gunakan sebagai satu panduan supaya tindakan liabiliti dapat diambil jika berlaku kecuaiian ke atas pesakit. Justeru itu, liabiliti-liabiliti yang sewajarnya perlu dipatuhi dan menepati beberapa syarat tertentu yang telah ditetapkan selaras dengan rawatan yang dilaksanakan dan sekiranya syarat tersebut tidak dapat dipenuhi, maka ia akan menjadi tanggungjawab kecuaiian. Akhirnya, perkara yang paling penting serta perlu dititik beratkan adalah selagai para doktor atau juru bekam (*hujjam*) ini mematuhi setiap peraturan, etika dan garis panduan amalan yang telah ditetapkan, maka selagi itulah mereka tidak berada di dalam bebanan tanggungan.

PENGHARGAAN

Penyelidik mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan & Inovasi, USIM, kerana membiaya sepenuhnya kajian ini melalui skim geran penyelidikan PPPI/UGC_0119/FSU/ 051000/ 12419.

RUJUKAN

Al-Qur'an.

Hatta, M. 2008. Kecuaian Perubatan Di Aceh: Satu Kajian Kes. *Jurnal Undang-Undang Dan Masyarakat*, Vol 12, hlm. 74–91.

al-Din, a.-s. (1986). *al-Mabsut*. Juz 30. Jil 15. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

al-Zayla'i, Fakhr al-Din 'Uthman bin 'Ali al-Hanafi. 1987. *Tabyin al-Haqa"iq Sharh Kanz al-Daqa"iq*. Juz 6. Jil 3. Kaherah: Dar al-Kitab al-Islami.

Dewan Bahasa dan Pustaka. (Ed.) (2012) *Kamus Dewan Bahasa Dan Pustaka* (4 ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Garis Panduan Amalan Perubatan Tradisioanal & Komplementari. 2013. Bekam. Kementerian Kesihatan Malaysia, Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari. Edisi Pertama

Hatta, M., Zainudin, T. N. A. T., & Shariff, A. A. M. 2016. Doktor Dan Liabiliti Dalam Kes-Kes Kecuaian Perubatan: Pengecualian Liabiliti Dari Perspektif Hukum Syara'. *Legal Network Series*, 1, hlm. 1–40.

Ismail, S. Z. 2011. Kecuaian Perubatan Menurut Undang-Undang Tort Dan Autoriti Mengenariesinya Dari Sudut Syariah. *Jurnal Syariah*, Vol 19(2), hlm. 133–162.

Medical Practice Division, Ministry of Health Malaysia, 13 Januari 2011, <http://www.gov.my> (diakses pada 10 September 2020).

Mohamad, A. B., & Ismail, N. 2017. Tanggungan Pengamal Perubatan Dalam Undang-Undang Islam: Kecuaian Atau Kontrak. *Proceedings of the International Conference on Islam, Development and Social Harmony in Southeast Asia*, hlm. 203–208.

Mohamad, A. B., & Ismail, N. 2018. Asas Tanggungan Pengamal Perubatan Dalam Undang-Undang Islam Menurut Fuqaha. *Journal of Contemporary Islamic Law*, Vol 3(1), hlm. 8–15.

Noor, M. R. M. 2016. Bekam dari Perspektif Perubatan Moden. *FAKTA SAINS*. <https://www.faktasains.com/single-post/2016/05/28/Bekam-dari-Perspektif-Perubatan-Moden-1> (diakses pada 10 September 2020)